

STUDENT AKTIVIS



"Sebagai seorang pemimpin, tidak semua menyukai dengan cara kepimpinan yang dibawa. Namun, saya lebih bersifat terbuka dengan menerima teguran secara positif untuk berubah ke arah yang lebih baik jika perlu.

"Pendirian saya sendiri, saya tidak akan melayan perkara berunsur negatif seperti unsur provokasi. Seharusnya kita sebagai golongan intelek mampu memberi pendapat atau teguran melalui saluran yang betul secara lebih matang," kata Syarafuddin Rahim, 23.

Anak muda ini juga sentiasa meminta pandangan daripada pasukan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dalam mencari penyelesaian secara bersama terhadap isu yang melanda kampus.

Walaupun pelbagai halangan yang perlu dilalui beliau sepanjang menerajui MPP UTHM, Syarafuddin tetap bersemangat untuk meneruskan perjuangan yang dilihatnya sebagai tanggungjawab perlu dilaksanakan sebaik mungkin.

"Saya tidak ambil kisah dengan cakap-cakap belakang individu tertentu.

Cuba yang terbaik

Bagi saya, perlu berfikir ke hadapan dan fokus akan matlamat yang telah dipersetujui setiap pihak dan berusaha untuk melaksanakan sehabis baik.

"Saya sebenarnya lebih suka melakukan pendekatan seperti keluarga dalam organisasi supaya tiada ketegangan dan wujud kemesraan. Dengan cara ini ia akan menjadikan hasil gerak kerja lebih mudah untuk dilaksanakan," ujarnya.

Syarafuddin berkata, dilantik sebagai YDP bagaikan satu mimpi. Dia sendiri tidak menyangka akan memegang jawatan tersebut.

Sebagai seorang pemimpin tertinggi, masa terluangnya diisi dengan program universiti dan program luar yang bermanfaat.

Namun, setiap kesibukan yang dihadapi memberi kenangan manis setelah segalanya berakhir.

"Cemerlang dalam

pembelajaran merupakan objektif utama sebagai seorang mahasiswa di universiti kerana ini merupakan hala tuju utama ketika mula memasuki ke UTHM serta janjinya kepada keluarga.

"Cara saya membahagikan masa belajar dengan program adalah dengan memberi tumpuan terhadap setiap perkara yang dilakukan.

"Dalam sehari, akan ada jadual di mana waktu saya hanya memfokuskan kepada pembelajaran manakala di luar kelas, saya akan fokus kepada program-program yang disertai," katanya.

Dia menjadikan penyandang hadiah Nobel Perdamaian, Nelson Mandela sebagai idola kerana beliau berjaya meninggalkan warisan cemerlang dalam menegakkan perdamaian, rekonsiliasi dan keadilan.

BAKAT TERSERLAH

Syarafuddin dilahirkan 23 September 1993 di Negeri Sembilan. Anak bongsu tiga beradik ini mempunyai hobi gemar mendaki gunung. Anak pasangan Rahim Omar dan Siti Aminah Md Isa ini mendapat pendidikan awal di Tadika Casa Dei Bambini, SK Port Dickson dan SMK Datuk Haji Abdul Samad - Sains Tulen.

Dia kemudian menyambung

pengajian ke Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan - Jurusan Sains Tulen (modul 1) dan kini sedang mengikuti jurusan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan di UTHM.

Ditanya penglibatan di kampus, Syarafuddin berkata, dia sememangnya sudah aktif sejak zaman sekolah lagi.

"Saya bukan sahaja aktif dalam akademik dan kokurikulum, tetapi juga sebagai ketua pemimpin dan ketua kontinjen kadet remaja sekolah.

"Misalnya, ketika di Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan, saya merancang untuk fokus terhadap pembelajaran dan hasilnya saya telah mencapai pointer 3.87," katanya.

Harapan jejaka ini, agar perjuangannya bersama rakan sepasukan membawa hasil dalam membantu kebajikan mahasiswa, di samping meningkatkan pembangunan mahasiswa serta universiti.

Syarafuddin mendoakan perjuangan itu mampu meletakkan siswa UTHM ke aras lebih tinggi.

Bukan mudah puaskan hati semua pihak, namun Syarafuddin tetap usaha jalankan amanah



Barisan MPP UTHM sesi 2015/2016.



Bersama rakan-rakan yang mengikuti misi bantuan banjir ke Pahang.

Jawatan pernah disandang

- Exco Akademik dan Intelektual kolej kediaman
- Exco Akademik Persatuan Pelajar Mekanikal dan Pembuatan
- Exco Akademik Sekretariat Mahasiswa Anak Negeri Sembilan
- Pengerusi Jabatan Akademik dan Kokurikulum MPP UTHM sesi 2014/2015
- YDP Sekretariat Mahasiswa Negeri Sembilan sesi 2015/2016

